

1,000 puisi 50 tahun merdeka

um-4/3/2007.

Oleh DR. TALIB SAMAT

PERSATUAN Karyawan Perak (Karyawan Pk) antara persatuan penulis yang aktif di Perak dalam menggerakkan pelbagai kegiatan kesusasteraan dan kesenian. Ia ditubuhkan pada 15 Februari 1992 dan diperakui oleh Pendaftar Pertubuhan (ROS) dengan Sijil Pendaftaran 3552/93(Perak).

Sejarah penubuhan Karyawan Pk diasaskan beberapa orang penulis Perak seperti Zabidin Ismail, Mokhtar Mansor, Abu Bakar Al-Sidik dan lainnya untuk menyatukan kegiatan penulis dan kesusasteraan di Perak yang luas kedudukan geografinya. Hal ini memungkinkan tumbuhnya pelbagai persatuan penulis di Perak yang mempunyai tujuan penubuhannya yang tersendiri.

Dalam menggerakkan aktiviti pengembangan dan pembangunan sastera, Karyawan Pk menubuhkan beberapa sudut sebagai jentera pelaksana program / aktiviti seperti Sudut Kuala Kangsar, Tanjong Malim, Gerik, Lenggong, Teluk Intan, Sungkai, Taiping, Parit dan sebagainya.

Sepanjang sejarah penubuhannya, Karyawan Pk mengadakan pelbagai aktiviti sastera dan penerbitan di antaranya termasuklah menerbitkan majalah berkala seperti *Suara Karyawan Pk*. Badan penulis ini juga menerbitkan buku *Ridzuan I* (1994), *Menara Condong* (1994), *Suratan* (2000), *Danau Hati* (2000), *Khazanah Karyawan Pk* (2001), *Istana Kasih* (2002 - renungan puitis tentang cinta dan perkahwinan) dan sedang berusaha menggerakkan penerbitan antologi puisi *Istana Kasih II* sempena perkahwinan salah seorang ahlinya tidak lama lagi. Kesemua penerbitan tersebut tergolong dalam Projek Siri Penerbitan Karyawan Pk atau PINTAR.

Penulis

Selain itu Karyawan Pk juga mengadakan sesi motivasi sastera dengan mengundang tokoh-tokoh penulis ibu kota seperti Jaafar Abdul Rahim, Datuk Baha Zain, Allahyarham Dino SS dan seumpamanya berceramah di kalangan ahli-ahli Karyawan Pk. Sesi ini digerakkan dengan kerjasama Pena dan Utusan Melayu.

Selain daripada itu pada tahun 1994, Karyawan Pk mengadakan beberapa acara penting iaitu Malam Puisi Menara Condong di hadapan Medan Selera Teluk Intan pada malam 10 Disember 1994 dan Majlis Gebang Sastera pada 11 Disember 1994 di Kompleks Sejarah Pasir Salak yang menampilkan dua orang pembicara iaitu penyair Ahmad Sarju dan Sabar Bohari menceritakan suka duka, proses kreatif dan pengalaman mereka dalam berkarya untuk dikongsi bersama oleh penulis-penulis muda dan penulis lain untuk merangsang minat mereka berkarya.

Di samping itu, Karyawan Pk menganjurkan Majlis Gebang Sastera ke-7 di Lata Bongsu, Sungkai, Perak untuk mengadakan sesi dialog dan pembentangan kertas kerja daripada beberapa tokoh penulis seperti Zabidin Ismail, Dr. Mohd. Rosli Saludin, Dr. Talib Samat tentang penghasilan pelbagai jenis karya. Hal ini juga mempopularkan tempat tersebut sebagai destinasi pelancongan dalam negeri. Beberapa orang pelukis kartun dan komik juga mempamerkan karya mereka pada pertemuan di Lata Bongsu, Sungkai, Perak pada 17 Oktober 1999.


Karyawan Pk terus aktif menganjurkan majlis sastera dan pertemuan penulis Perak di Safari Resort, Kuala Kangsar, Perak pada 4 Februari 2002 yang melibatkan pembentangan kertas kerja Allahyarham Dr. Othman Puteh, Mohamad Daud Mohamad dan sebagainya yang mengupas karya penulis-penulis Perak.

Acara baca puisi yang melibatkan Sassterawan Negara Datuk A. Samad Said, Suhaimi Muhammad, dan sebagainya diadakan pada sebelah malamnya.

Di samping itu sumbangan terpenting Karyawan Pk ialah bekerjasama dengan Jabatan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa, UPSI



ZABIDIN ISMAIL



A. SAMAD SAID

dan pihak lainnya menganjurkan Seminar Memartabatkan Tengku Menteri Ngah Ibrahim (1836-1895) pada 27 Ogos 2005. Seminar ini menampilkan 17 buah kertas kerja daripada para intelektual, sarjana sastera dan sejarah yang mengupas ketokohan dan sumbangan bersejarah Tengku Menteri Ngah Ibrahim dan Long Jaafar dalam membangunkan daerah Matang, Larut dan Bukit Gantang. Seminar ini diadakan di Kompleks Sejarah Matang, Taiping, Perak.

Seminar Memartabatkan Tengku Menteri Ngah Ibrahim ini juga menghasikan resolusi penting iaitu jenazah dan pusara Tengku Menteri Ngah Ibrahim sewajarnya disemadikan di halaman rumahnya sendiri di Kompleks Sejarah

Matang (dulunya Kota Ngah Ibrahim) bila usaha membawa jenazahnya berjaya dibawa pulang ke Perak selepas 111 tahun terpendam di Perkuburan Al-Junid, Singapura. Seperti yang dirumuskan dalam resolusi itu, jenazah Allahyarham Tengku Menteri Ngah Ibrahim disemadikan di situ pada 9 September 2006.

Begitu juga Karyawan Pk menawarkan kerjasama aktif bersama Jabatan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa, UPSI untuk mengadakan Seminar Antarabangsa Memartabatkan Tengku Menteri Ngah Ibrahim (1836-1895) pada 31 Mac 2007 di Auditorium Utama, UPSI, Tanjong Malim, Perak.

Tradisi menghargai golongan intelektual dan pemikir yang terpinggir tetapi memberi makna yang besar dalam bidang kesusasteraan dan penulisan terus digerakkan dan diperkasakan oleh Karyawan Pk. Hal ini ketara dengan penganjuran Seminar Pemikiran Jaafar Abdul Rahim pada 22 Julai 2006 di Balai Seminar, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur sempena persaraan tokoh itu dari DBP.

Begitu juga Karyawan Pk mendepani dan melibatkan secara aktif usaha mengadakan majlis pelancaran buku antologi puisi *Sahabat Sejati: 200 Puisi Tentang Jaafar Abdul Rahim* pada 29 November 2006 di Sekolah Kebangsaan Kuala Kurau, Perak dalam usaha memasyarakatkan sastera di kampung

kelahiran Jaafar Abdul Rahim.

Kemudian, usaha menghargai perjuangan kaum penulis di Perak khususnya yang menjadi ahli badan itu, pelbagai usaha sedang digerakkan untuk menerbitkan antologi cerpen, puisi, biografi ahli jawatankuasa Karyawan Pk secara kaedah *print on demand* (cetak ikut permintaan). Penulis terawal untuk projek ini ialah kumpulan cerpen *Perlanggaran Mimpi* karya Ramli Daud, seorang penulis peneroka di Felda Sungai Klah,

Tradisi menghargai golongan intelektual dan pemikir yang terpinggir tetapi memberi makna yang besar dalam bidang kesusasteraan dan penulisan terus digerakkan dan diperkasakan oleh Karyawan Pk.

Sungkai, Perak yang sudah berusia lebih 71 tahun dan diharap dalam usianya yang sudah di peringkat penghujung dapat segera diterbitkan.

Sempena ulang tahun ke-50 kemerdekaan Malaysia, Karyawan Pk merancang dan menggerakkan usaha menerbitkan antologi puisi *Suara Kita* yang menghimpunkan 1,000 buah puisi tentang kemerdekaan Malaysia yang ditinjau daripada pelbagai aspek sama ada aspek ekonomi, politik, sosial, agama dan sebagainya yang boleh difikirkan untuk menyatakan suara hati nurani masing-masing tentang Malaysia dan nikmat kemerdekaan yang kita kecapai selama 50 tahun ini.

Mempelawa

Ketua Satunya, Zabidin Ismail mempelawa dan mengundang seluruh warganegara Malaysia tanpa mengira status sosial, fahaman atau aliran politik, latar kehidupan dan sebagainya untuk menghasilkan sebuah puisi seorang tentang apa sahaja mengenai Malaysia dan kisah suka duka, kejayaan, pencapaian dan sebagainya yang diucapkan menerusi puisi moden atau sajak untuk dimuatkan ke



فرسان قلوب كثر قلوب قلوب
Persatuan Karyawan Perak [Karyawan Pk]

dalam antologi puisi *Suara Kita*.

Beliau menambah, semua lapisan dan golongan masyarakat Malaysia daripada pemimpin negara, pemimpin peringkat negeri, wakil rakyat sama ada berjawatan dalam kerajaan atau tidak, rakyat jelata sama ada golongan seniman / artis, mahasiswa / pelajar, penoreh getah, peneroka Felda, masyarakat desa, golongan korporat, swasta, nelayan, pekebun kecil, pekerja kilang, editor buku atau majalah, wartawan, drebar bas, jurutera, doktor, jururawat, guru, ahli sukan, saintis, penyair, polis, pegawai kerajaan / swasta, tentera, polis dan sebagainya dipelawa untuk menulis puisi-puisi tentang 50 tahun kemerdekaan Malaysia.

Menurut Zabidin, Karyawan Pk hanya bertindak selaku penggerak dan penyelenggara *Suara Kita*. Ertinya kepada seluruh rakyat Malaysia yang prihatin, sensitif dan peka dengan perkembangan 50 tahun kemerdekaan Malaysia dan pembangunannya dalam pelbagai aspek wajar menyahut seruan ini. Beliau menamakan Prof. Dr. Muhammad Bukhari Lubis (013-4245767), Dr. Talib Samat (012-2269740), Dr. Wahid Kasran (012-2836126), Onn Abdullah (016-5360864) dan Mohd. Hashim Osman (019-5489852) bertanggungjawab menyelenggarakan

lukannya. Buku ini juga akan dirakamkan dalam *The Malaysia Book of Records* kerana berjaya menghimpunkan seribu puisi yang hanya mempunyai satu tema iaitu tentang Malaysia yang ditulis pelbagai lapisan rakyat daripada Perdana Menteri hinggalah penoreh getah.

Begitupun, Karyawan Pk bercadang mencetak hanya sebanyak 2,000 naskhah untuk para penyumbang dan selebihnya diedarkan kepada perpustakaan dengan anggaran kos melebihi RM50,000. Justeru pembiayaan kos penerbitan akan ditanggung oleh penyumbang dana yang boleh menyalurkan sumbangan atas nama PERSATUAN KARYAWAN PERAK di alamat seperti di atas atau melalui transaksi bank ke nombor akaun 08040002325711 Bank Muamalat.

Para sektor korporat, awam mahupun kerajaan yang prihatin dan berasa terpenggil dengan nikmat 50 tahun kemerdekaan selama ini dalam pelbagai aspek hidup dengan pelbagai keuntungan diperolehi wajar membiayai penerbitan antologi puisi ini yang merakamkan suka duka dan asam garam kehidupan selama ini di sebuah negara bernama Malaysia yang sangat kita cintai. Penerbitan antologi puisi ini adalah rakaman jujur, ikhlas, seni dan berterus terang tentang nikmat kemerdekaan.

Penghargaan

Setiap penyumbang karya akan diberi senaskhah *Suara Kita* sebagai penghargaan abadi dan tiada royalti sebagai sumbangan terhadap suara hati nurani mengenai bumi Malaysia dan rakyatnya yang berbilang etnik. Jika tiada aral yang melintang, majlis pelancaran antologi puisi ini akan diadakan sempena tilang tahun ke-50 kemerdekaan Malaysia. Oleh itu setiap penulis atau penyair atau rakyat Malaysia harus menjadikan projek penulisan puisi ini sebagai projek bersama dan Karyawan Pk hanya bertindak secara sukarela sebagai tenaga penggerak semata-mata untuk merakanikan isi hati dan penghargaan rakyat Malaysia terhadap pencapaian watan yang kita cintai dan rakaman rasa terhutang budi kepada negara.

Sesungguhnya usaha menggerakkan projek penulisan 1,000 buah puisi tentang nikmat kemerdekaan selama 50 tahun ini sebagai bukti keseriusan dan kesungguhan Karyawan Pk yang begitu prihatin dengan ulang tahun kemerdekaan Malaysia. Hal ini sejajar dengan saranan dan gesaan Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan baru-baru ini; agar perayaan ulang tahun ke-50 kemerdekaan Malaysia disambut dengan sebesar-besarnya dan semeriah-meriah mungkin. Justeru kemunculan *Suara Kita* oleh Karyawan Pk adalah salah satu usaha serius, puitis dan bersejarah untuk kepentingan negara daripada aspek kesusasteraan yang merupakan jiwa dan roh sesuatu bangsa itu.